

18 bubu naga dirampas

Sinar Harian 19/11/2019 m/s 35

*Ditinggalkan
nelayan yang
melarikan diri di
perairan Sungai
Tongkang*

SHAFIQ TINO

BATU PAHAT



Sebanyak 18 bubu naga dirampas dalam operasi di perairan Sungai Tongkang kelmarin.

Menurutnya, sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, pengendali bot terbabit terus melarikan diri ke kawasan perairan cetek dengan meninggalkan bubu naga.

“Kesemua bubu naga itu dirampas kerana penggunaannya menyalahi peraturan di bawah Akta Perikanan 1985,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohammad berkata, peng-

gunaan bubu naga secara haram boleh menjejaskan sumber perikanan kerana sifatnya yang tidak selektif selain turut memerangkap anak-anak ikan komersial.

“Nelayan diingatkan sentiasa mematuhi undang-undang ditetapkan,” katanya.

Katanya, bulan ini sahaja, APMM Zon Batu Pahat telah merampas 64 bubu naga yang dipasang secara haram di sekitar perairan daerah berkenaan.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Batu Pahat merampas 18 bubu naga selepas menahan sebuah bot gentian kaca tidak mempunyai nombor pendaftaran di perairan Sungai Tongkang di sini kelmarin.

Pengarah APMM Zon Batu Pahat, Komander Maritim Mohammad Othman berkata, bot itu ditahan kira-kira jam 6 petang ketika anggota melakukan rondaan.